

## PELAWAAN UNTUK CADANGAN (RFP)

### PERKHIDMATAN PERKONGSIAN ALAT MOBILITI PERSENDIRIAN DI UKM

Tawaran Pelawaan Untuk Cadangan (RFP) ini dipelawa kepada syarikat atau usahasama/konsortium tempatan yang berdaftar di Malaysia yang berwibawa dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang yang berkaitan.

NO. DOKUMEN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK (DIWAJIBKAN)	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP PENGHANTARAN DOKUMEN CADANGAN
UKM.KZN. 400-5/1/24	<p><b>Tarikh:</b> 26 April 2019</p> <p><b>Masa:</b> 10.00 pagi</p> <p><b>Lokasi:</b> Bilik Mesyuarat Keris Perdana, Aras 3, Kolej Keris Mas, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor</p>	<p><b>Tarikh Pembelian Dokumen:</b> 26 April – 3 Mei 2019</p> <p><b>Masa:</b> 9.00 pagi – 4.00 petang</p> <p><b>Tempat:</b> Khazanah-UKM, Aras 4, Bangunan Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor</p>	<p><b>Tarikh:</b> 27 Mei 2019</p> <p><b>Masa:</b> Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari</p> <p><b>Tempat:</b> Khazanah-UKM, Aras 4, Bangunan Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor</p>
Harga Dokumen: <b>RM 350.00</b> senaskah (tidak akan dikembalikan)			

- Salinan sijil pendaftaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan salinan pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) hendaklah dikemukakan bersama.
- Syarikat adalah **diwajibkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak** untuk menyertai RFP ini. Dokumen RFP hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.
- Syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan ketika pembelian dokumen RFP tersebut. Dokumen RFP boleh diperolehi di alamat yang dinyatakan dan dengan bayaran yang ditetapkan hendaklah dibuat secara **Bank Deraf/Kiriman Wang** sahaja di atas nama Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syarikat yang tersenarai diminta untuk membuat satu pembentangan kepada UKM pada masa yang akan ditentukan kemudian.
- UKM tidak terikat untuk menerima mana-mana cadangan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya atau sebarang RFP. UKM juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab penolakan serta tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan oleh syarikat yang mengemukakan RFP.
- Kertas cadangan yang diterima selepas jam **12.00 tengah hari pada 27 Mei 2019** akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.